



# Kerajaan Serius Basmi Kemiskinan

*Kemiskinan merupakan fenomena sepanjang zaman. Kemiskinan merupakan satu keadaan apabila berlakunya kekurangan dalam keperluan dup seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal yang secara langsung berkait rapat dengan kualiti hidup. Kemiskinan juga bererti tiada akses seperti mendapat pendidikan dan pekerjaan yang mampu mengatasi masalah tersebut. Memikirkan kemiskinan merupakan masalah global maka kerajaan berhasrat mencari pelbagai alternatif bagi mengatasi masalah tersebut.*

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan terus berusaha membasmi masalah kemiskinan selagi masih ada golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan untuk meningkatkan taraf hidup. Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan secara komprehensif oleh pihak kerajaan sejak 1970 sehingga sekarang telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dari hampir peratus kepada 3.6 peratus.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, kerajaan itu adalah hasil daripada usaha kerajaan melalui tiga bidang utama iaitu agropolitikan, pendidikan, dan keusahawanan. Dalam program agropolitikan, menteri telah menjalankan beberapa projek pertanian dengan tujuan meningkatkan pendapatan mereka. Antaranya projek agropolitikan Gahai di Kuala Lipis apabila para petani berjaya meningkatkan pendapatan mereka daripada RM500 kepada RM1,700 hingga RM2,500 sebulan.

Peningkatan pendapatan itu adalah

*Sejak dahulu lagi, pelbagai usaha dan prakarsa dilakukan kerajaan agar masyarakat dapat keluar daripada belenggu kemiskinan agar dapat menikmati kehidupan dengan lebih harmoni. Antara agensi kerajaan yang diperkenalkan kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan ialah FELDA, RISDA, Felcra, Amanah Ikhtiar Malaysia, dan Yayasan Tekun Nasional (Tekun), selain Kementerian Kemajuan Luar Bandar, serta Wilayah dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.*

adalah hasil daripada penglibatan mereka dengan penanaman getah dan nenas. Lebih menarik lagi para peserta juga diberi saham bagi tanam getah yang membolehkan mereka menerima dividen tahunan jika projek tersebut memberi keuntungan. Dalam perkembangan sama, buat masa ini pihak Kementerian sedang melaksanakan empat lagi projek agropolitikan bagi mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dan membasmi kemiskinan segar menjelang 2010.

Melalui medium pendidikan, daripada 30,345 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di seluruh negara, 70 peratus daripadanya merupakan pelajar luar bandar yang datang daripada keluarga miskin. Di peringkat pengajian tinggi pula daripada 53,000 pelajar yang sedang ditaja oleh Mara, 46,000 adalah pelajar dalam negeri dan 7,000 belayar di luar negara terdiri daripada anak-anak luar bandar. Pihak Kementerian juga menganjurkan pelbagai program keusahawanan menerusi agensi Mara yang kumpulan sasarnya adalah mereka yang tersenarai di

dalam e-Kasih. Selain itu, program pembasmian kemiskinan turut dilakukan dalam bentuk pemberian bantuan serta penyediaan kemudahan terutama infrastruktur asas.

Golongan miskin perlu menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan terutamanya dalam bidang pelajaran untuk mencari jalan keluar daripada kepompong kemiskinan. Pelbagai agenda kerajaan telah digerakkan terutamanya untuk menawarkan pelbagai bidang latihan dan kemahiran yang bersesuaian bagi meningkatkan pendapatan golongan miskin. Tegasnya usaha berterusan yang dilakukan oleh kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan dalam membasmi kemiskinan merupakan proses pembangunan yang dapat memastikan setiap masyarakat mendapat bahagian yang adil daripada pengagihan kekayaan negara.

Antara usaha terkini kerajaan dalam program pembasmian kemiskinan adalah untuk melahirkan lebih banyak usahawan mikro dalam kalangan wanita di negara ini yang kini dianggarkan seramai kira-kira 4,000



Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal

orang. Salah satu usaha kerajaan terkini termasuklah menggunakan pendekatan secara berfokus untuk membasmi kemiskinan menerusi Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) 1Azam (Akhir Zaman Kemiskinan) Niaga yang membatiknkan 7,000 keluarga miskin di seluruh negara pada masa ini. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, pendekatan dan program itu memberi peluang kepada golongan berkenaan berdiskusi dengan melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan tidak bergantung pada bantuan bulanan semata-mata menerusi program 1Azam Niaga.

Keluarga miskin yang tersenarai dalam perangkaan e-Kasih kementerianya telah diberikan bantuan modal untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di rumah masing-masing. Pihak Kementerian sentiasa mengikut perkembangan mereka supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Daripada 44,643 keluarga dalam kelompok miskin tegar pada tahun lalu, 99.75 peratus berjaya dikeluarkan daripada kelompok itu dan hanya tinggal 108 keluarga yang masih memerlukan tumpuan kerana memperoleh pendapatan di bawah RM440 sebulan. Tegasnya, kerajaan kini lebih fokus dalam program yang dilaksanakan untuk mengeluarkan keluarga ini daripada kelompok miskin tegar.

Selain itu, pihak RISDA tidak ketinggalan dalam membantu dan memerangi kemiskinan. Hal ini demikian kerana matlamat RISDA untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam kalangan 350,000 keluarga pekebun kecil di seluruh negara tercapai berikutan kenaikan harga getah yang kini mencecah RM15 sekilogram. Pengerusi RISDA, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, berikutan kenaikan harga komoditi itu, purata pendapatan pekebun kecil kini melebihi RM2,000 sebulan, melepasi paras kemiskinan bawah RM750 sebulan.



Jumlah pendapatan pekebun kecil tersebut masih boleh ditingkatkan kepada RM3,000 sebulan sekiranya mereka dapat meningkatkan produktiviti. Purata keluasan kebun yang mereka usahakan satu hektar itu jika diusahakan dengan menambah produktiviti seperti menambah baja yang baik dan penjagaan rapi, sudah pasti dapat menambahkan pendapatan sampai RM3,000. Di samping itu, Kelab Usahawan RISDA (RISEC) ditubuhkan untuk membina rangkaian kerjasama antara semua usahawan RISDA di seluruh negara, selain mewujudkan pelan pelaksanaan pembangunan usahawan pekebun kecil yang lebih terancang, sistematik, dan terselaras. Pemulihan ekonomi global dan permintaan tinggi terhadap getah di pasaran dunia merupakan faktor pada peningkatan harga komoditi itu. Hal ini merupakan satu rahmat serta rezeki kepada pekebun-pekebun kecil RISDA khususnya. Sehubungan dengan itu, para pehoreh getah di seluruh negara disarankan supaya mengambil kesempatan kenaikan harga tersebut dengan meningkatkan lagi produktiviti bagi mendapat keuntungan lebih lumayan.

Pada masa yang sama, kerajaan turut komited untuk membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Ketika membentangkan Bajet 2010, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa kerajaan akan memperuntukkan RM48 juta bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan di bandar yang meliputi bantuan kebajikan dan program bayaran sewa rumah. Landskap kehidupan semasa menyaksikan kadar urbanisasi berkembang pesat dengan 63 peratus daripada penduduk tinggal di bandar. Kita sedar bahawa kehidupan di bandar pada kata ini bukannya mudah. Masalah kemiskinan kian meningkat disebabkan kos sara hidup yang tinggi, pendapatan yang rendah, dan masalah tempat tinggal. Bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar secara holistik, peranan Kementerian Wilayah Persekutuan diperkukuh dan dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Antara tugas utamanya ialah menyediakan



kan satu pelan tindakan komprehensif dan melaksanakan program bersesuaian untuk menangani masalah kemiskinan bandar di seluruh negara termasuk golongan berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Bagi membantu golongan miskin di bandar, kerajaan akan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki dan menyewa rumah yang disediakan kerajaan. Sebanyak 44,000 rumah kos rendah dijual pada harga di antara RM21,500 hingga RM35,000 seunit yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Perumahan Negara.

Kesan daripada komitmen kerajaan yang serius menyebabkan kawasan bandar terutama di ibu negara kini bebas sepenuhnya daripada golongan miskin tegar. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, bilangan penduduk miskin dan mudah miskin pula berjaya dikurangkan kepada 50 peratus berbanding tahun lepas.



Sudah tiada lagi golongan miskin tegar di Wilayah Persekutuan, semuanya telah diselesaikan melalui pelbagai program yang diatur selama ini. Di Wilayah Persekutuan sekarang hanya tinggal golongan mudah miskin serta miskin sahaja dan telah dapat dikurangkan. Walaupun usaha memastikan golongan miskin dan mudah miskin terhapus sepenuhnya mungkin memakan masa yang panjang, tetapi usaha pembasmian akan dilakukan secara berterusan. Di bawah elemen Kesejahteraan Bandar, golongan miskin akan dibantu menerusi latihan kemahiran perniagaan kecil bagi menjana pendapatan mereka secara berterusan.

## KESIMPULAN

*Secara tuntas, usaha pembasmian kemiskinan di Malaysia memang terbukti serius dan diberi tumpuan oleh pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta, korporat dan individu dengan menggunakan modul dan pendekatan yang pelbagai. Walaupun kerajaan dan agensinya amat prihatin terhadap kepentingan golongan miskin, namun golongan berkenaan juga diharap tidak sesekali mengambil mudah terhadap segala bantuan dan sokongan yang disalurkan.*

CTR No: 0600270752

Squatters - Poverty

Pg: 14-15